

**Najib Puji Gambar Rakaman Che' Ahmad Azhar
Bernama
14 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini memuji Che' Ahmad Azhar kerana gambar rakamannya dimuatkan di dalam laman blog The New York Times.

"Syabas!," kata perdana menteri melalui akaun Twitternya.

'Lens', laman blog fotografi The New York Times, memuatkan gambar rakaman Che' Ahmad bertajuk 'Walk of Life' bagi mengiringi artikel berjudul 'A Street-Level View of Kuala Lumpur' tulisan Maggie Steber.

Che Ahmad, 49, bekas pengarah pengiklanan dan jurufoto landskap, sering merayau di Jalan Petaling, Lebu Ampang di Little India dan Pudu di ibu negara untuk merakam gambar menarik.

Setelah sekian lama berdamping dengan penghuni kawasan itu, beliau akhirnya dapat menghayati secara mendalam gerak kehidupan serta perkara ganjil yang terdapat di sana.

'Lens' menghidangkan visual dan bahan laporan multimedia paling menarik dalam bentuk foto, video dan slaid.

Selain menjadi ruang untuk menampilkan gambar yang diabadikan jurufoto New York Times, laman blog itu juga memuatkan karya terbaik daripada akhbar, majalah agensi berita dan agensi gambar lain serta yang digunakan oleh buku, galeri, muzium dan laman web.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=969978>